

Jenis Akhbar : Utusan Malaysia

Tarikh : 05/06/2023

Edisi / Muka Surat : Nasional / 39

Tajuk : Konsortium bantu, bela nasib penternak ikan sangkar

Konsortium bantu, bela nasib penternak ikan sangkar

Oleh SALEHUDIN MAT RASAD
utusannews@mediamulia.com.my

LIPIS: Angkatan Koperasi Kebangsaan Malaysia (Angkasa) mendangkan lebih 1,200 penternak ikan sangkar di negeri ini bergabung di bawah Konsortium Ikan Pahang bagi membela nasib mereka.

Presiden Angkasa, Datuk Seri Dr. Abdul Fattah Abdullah berkata, setakat ini kira-kira 900 penternak menyertai konsortium itu dan selebihnya bergerak 'solo' sekali gus berdepan masalah seperti kekurangan benih ikan.

Menurutnya, Angkasa sehingga kini sudah menyalurkan RM500,000 kepada konsortium itu sebagai bantuan bekalan benih ikan terutama patin dan tilapia.

"Penternak yang menyertai konsortium ini sebenarnya tiada masalah mendapat bekalan benih ikan kecuali penternak 'solo' yang bergerak secara bersendirian.

"Namun begitu, pihak konsortium turut mengakui masalah di luar jangka seperti peremanasan global dan Sungai Pahang semakin cetepek mempengaruhi pembesarannya dan upaya hidup ikan," katanya di sini semalam bagi menjawab isu kekurangan benih



SEORANG penternak di Temerloh, Pahang gusar memikirkan pengualaran ikan sangkar miliknya yang semakin berkurangan kerana risiko ikan mati semakin meningkat. - UTUSAN/NORHAZAN ZULKIFLI

patin di negeri ini.

Baru-baru ini, dilaporkan bahawa bekalan ikan patin sangkar di daerah Jerantut dan Temerloh bukan sahaja semakin kritis malah dijangka hanya mampu bertahan dalam tempoh beberapa bulan lagi ekoran kekurangan benih ikan.

Abdul Fattah berkata, antara isu yang mendapat perhatian ke-

tika ini adalah masalah kekurangan ikan patin hingga mengakibatkan ramai peniaga terpaksa mencari alternatif untuk mengantikan ikan sungai itu.

Menurutnya, beliau difahamkan isu membatitkan bekalan ikan patin ini bukan berpunca daripada kekurangan benih ikan itu, tetapi lebih kepada isu sungai yang semakin cetepek.

"Jadi, apabila sungai cetepek, susahlah pengusaha atau penternak untuk menghasilkan bekalan ikan mencukupi kepada peniaga.

"Sebab itulah saya cadangkan setiap penternak perlu menganggotai Konsortium Penternak Ikan Pahang boleh mewakili semua penternak, bukan hanya penternak ikan patin, ikan kerai dan ikan lain pun terjejas juga," katanya.

Perpustakaan Koperasi
Malaysia ANGKASA